

# Latihan pada kakitangan kerajaan minat berniaga tidak lama lagi

NEW YORK, 29 Sept.

— Satu rancangan melatih kakitangan kerajaan yang berminat dalam perniagaan runcit akan dijalankan tidak lama lagi bagi membolehkan lebih ramai bumiputera menyertai bidang tersebut.

Mengumumkan ini, di sini, hari ini Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad berkata: Rancangan itu adalah selaras dengan matlamat meningkatkan taraf dan mewujudkan sistem perniagaan runcit yang lebih teratur di seluruh negara.

Rancangan latihan ini akan terbuka kepada golongan perkeranian, teknikal dan buruh kasar yang berminat dan benar-benar serius untuk menceburkan diri dalam bidang tersebut.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu mereka yang dipilih mengikuti latihan akan di beri cuti khas. Butir-butir lanjut mengenai tempoh latihan dan sebagainya masih di peringkat ka-

30 SEP 1982

jian. Bercakap kepada para wartawan yang mengikuti rombongannya ke sini, Perdana Menteri memberitahu, mereka yang ingin menceburkan diri, dalam perniagaan ini mesti sudah cukup matang dengan pengalaman hidup, mempunyai sedikit modal.

Menurutnya latihan-latihan ini boleh dijalankan oleh syarikat-syarikat 'Francise' seperti FIMA.

Mengenai kemungkinan kakitangan kerajaan enggan menceburkan diri dalam perniagaan runcit, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak timbul kerana peluang tersebut di buka untuk kakitangan kerajaan dalam lingkungan 30 tahun.

"Kakitangan kerajaan peringkat ini baru hendak dimasukkan dalam skim pencen dan mereka tentu tidak akan merasakan sebarang kerugian jika berhenti untuk memulakan pernia-

an," jelasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan tentang perlu dipertingkatkan lagi taraf perniagaan runcit di Malaysia di samping memberi peluang kepada lebih ramai bumiputera menceburkan diri dalam lapangan itu.

Peningkatan taraf dan pengurusan perniagaan runcit sangat perlu bukan saja di bandar-bandar bahkan di peringkat kampung-kampung.

Katanya, di masa ini golongan bumiputera yang betul-betul boleh menceburkan diri dalam perniagaan runcit sangat kurang.

Menurutnya, para lulusan tingkatan lima umpamanya tidak mampu untuk menguruskan perniagaan jenis ini kerana mereka belum matang, sementara bagi lulusan universiti dan maktab bidang ini mungkin tidak sesuai untuk mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memilih kakitangannya yang benar-benar serius dan berminat untuk di beri latihan khas dalam perniagaan runcit ini.

Terdahulu dari itu Datuk Sri Dr. Mahathir menyentuh mengenai perbincangannya dengan ahli-ahli perniagaan Jepun yang pakar tentang perniagaan runcit semasa beliau singgah di Tokyo dalam perjalanan ke sini, minggu lalu.

Dalam perbincangan tersebut beliau telah meminta ahli-ahli perniagaan itu membantu Malaysia meninggikan taraf perniagaan runcit dan mengemaskinikan sistem perniagaan itu supaya lebih teratur.

Beliau menimbulkan tentang kemungkinan diwujudkan perniagaan runcit secara usahasama antara Jepun umpamanya dengan rakyat Malaysia.

Katanya, setakat ini sudahpun ada sebuah syarikat Jepun yang menubuhkan perniagaan runcit dengan rakyat Malaysia iaitu Isetan.